



DATUK CHAN SIANG SUN

## Sistem 3M dilaksana di semua sekolah pada 1988 — Chan

KUALA LUMPUR, Khamis — Sistem 3M akan dilaksanakan sepenuhnya di sekolah-sekolah rendah seluruh negara pada 1988, kata Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Chan Siang Sun.

Datuk Chan menyatakan di Dewan Rakyat hari ini, pelaksanaan sistem itu secara berperingkat bermula 1983.

Bellau menjawab pertanyaan Encik Azharul Abidin Rahim (BN-Batang Padang).

Timbalan Menteri itu menafikan dakwaan ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang (DAP-Petaling), sistem itu hanya dilaksanakan buat permulaan di sekolah-sekolah yang mempunyai taraf pencapaian pelajar yang tinggi.

Katanya, peringkat awal pelaksanaan sistem 3M meliputi sekolah yang mempunyai pencapaian pelajar yang tinggi dan sebaliknya.

Ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang dan Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Chan Siang Sun, "bertikam lidah" dengan kata-kata yang menggelikan hati di Dewan Rakyat hari ini.

Menjawab soalan tambahan Encik Lim (DAP-Petaling), Datuk Chan berkata, "kenyataan yang terhormat itu setengah benar dan setengah salah."

Setelah beberapa ahli lain mengemukakan soalan tambahan, Encik Lim berpeluang bertanya sekali lagi dan berkata, "Tuan Speaker, saya tidak faham dengan jawapan Timbalan Menteri Pelajaran mengatakan saya separuh benar dan setengah salah."

"Kalau begitu, saya katakan bahawa Timbalan Menteri Pelajaran itu setengah layak dan setengah tidak layak untuk menjawab soalan saya."

Dewan berderai dengan gelak ketawa dan Speaker, Tan Sri Syed Nasir Ismail terus memotong "perang kata-kata" itu berpindah kepada soalan lain.